

31/10/2003

Amaran polis usah sertai perhimpunan

KUALA LUMPUR: Polis memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin parti pembangkang jika mereka meneruskan rancangan mengadakan perhimpunan haram dan perarakan sebelum membuat laporan polis di sini, yang dijadualkan petang ini.

Ketua Polis Bandaraya, Datuk Dell Akbar Khan berkata, pihaknya mendapat maklumat kumpulan terbabit akan menghimpunkan penyokongnya di satu lokasi untuk berarak dan membuat laporan di Balai Polis Dang Wangi di sini.

"Kita memberi amaran tegas kepada mereka supaya tidak meneruskan rancangan itu. Polis tidak akan menghalang jika mereka ingin membuat laporan kerana kita sedia menerima laporan yang dibuat sesiapa saja.

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak menyertai perhimpunan dan perarakan itu kerana jika ada bukti kita akan mendakwa mereka di mahkamah kerana menyertai perhimpunan haram," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Polis Kuala Lumpur di sini, malam tadi.

Difahamkan, Pemuda parti pembangkang merancang membuat laporan polis berhubung salah guna kuasa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berdasarkan maklumat yang diterima polis, kumpulan terbabit juga merancang mengedarkan risalah kepada orang ramai di Kompleks Pertama di sini, petang esok.

(END)